





INDEKS VOLUM PERKHIDMATAN (2015=100) SUKU TAHUN KEDUA 2025




Indeks Volum Perkhidmatan mengikut Segmen


PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MAKANAN & MINUMAN DAN PENGINAPAN




PERKHIDMATAN PERNIAGAAN DAN KEWANGAN



MAKLUMAT & KOMUNIKASI DAN PENGANGKUTAN & PENYIMPANAN




PERKHIDMATAN LAIN



Peratus Perubahan: Tahun-ke-Tahun (YoY)

Sumber: Indeks Volum Perkhidmatan, Suku Tahun Kedua 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Indeks Volum Perkhidmatan, ST1 2019 – ST 2025



Indeks Volum Perkhidmatan meningkat 5.0 peratus pada suku kedua 2025

- Indeks Volum Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 5.0 peratus tahun ke tahun pada suku kedua 2025, mencapai 159.9 mata. Prestasi Indeks Volum Perkhidmatan ini melibatkan segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan dengan peningkatan sebanyak 5.0 peratus, diikuti oleh segmen Perkhidmatan perniagaan dan kewangan (4.2%), segmen Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan (5.4%) dan segmen Perkhidmatan lain (7.7%).
- Indeks volum bagi Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan mencatat peningkatan sebanyak 5.0 peratus kepada 160.2 mata, diikuti segmen Perdagangan borong & runcit (4.3%), Makanan & minuman (7.3%) dan Penginapan (13.6%). Sementara itu, segmen Perkhidmatan perniagaan & kewangan mencatatkan indeks volum 150.9 mata dengan pertumbuhan 4.2 peratus. Peningkatan ini didorong oleh Kewangan & insurans (1.3%), diikuti oleh Profesional dan Pentadbiran & khidmat sokongan (7.6%), dan Hartanah (9.4%).
- Selain itu, jumlah keseluruhan bagi segmen Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan meningkat 5.4 peratus (176.9 mata), dimana berlaku peningkatan pada Maklumat & komunikasi (3.4%) dan Pengangkutan & penyimpanan (8.4%). Seterusnya segmen Perkhidmatan lain meningkat 7.7 peratus dengan 136.6 mata, didorong oleh peningkatan dalam Kesenian, hiburan & rekreasi dan Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti (8.9%), Pendidikan swasta (4.9%) dan Kesihatan swasta (9.2%).
- Bagi perbandingan suku tahunan pula, indeks volum Perkhidmatan meningkat sebanyak 1.1 peratus pada suku kedua 2025. Segmen Perkhidmatan perniagaan & kewangan mencatatkan penurunan sebanyak 0.9 peratus manakala segmen Pengangkutan dan komunikasi meningkat sebanyak 1.3 peratus. Selain itu, berlakunya peningkatan pada segmen Perdagangan borong & runcit, Penginapan dan Makanan (1.8%) dan segmen Perkhidmatan lain (2.8%).
- Indeks Volum pelarasan musim menurun sebanyak 0.9 peratus berbanding suku pertama 2025. Penurunan ini disumbangkan oleh segmen Perkhidmatan perniagaan & kewangan sebanyak 11.7 peratus. Namun demikian, berlakunya peningkatan pada segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan (3.2%), segmen Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan (1.6%), dan segmen Perkhidmatan lain (5.2%).

